

SINERGI


05/09/2023 / Dr Mohd Khairulnizam, Prof Madya Dr Muhamad Abd Azizi Ab Gani, Dr Ishak Ramli, Dr Daljet Singh Sidhu, Ashraf Abdul Rahaman



SOLO, 4 September 2023 – Pada 25 Ogos 2023 hingga 27 Ogos 2023, delegasi dari Universiti Teknologi Mara Cawangan Perak telah melakukan kunjungan rasmi ke Universitas Sebelas Maret (UNS) Solo, Indonesia. Objektif program kali ini adalah untuk menandatangani MOU MOA, sesi perbincangan pembangunan silibus, dan menjalankan seminar dalam bidang kreatif.

Delegasi yang terlibat dari pihak Universiti Teknologi MARA adalah Profesor Dr. Mohamad Hariri Hj Abdullah (Timbalan Naib Canselor, Jaringan Industri, Komuniti, dan Alumni, UiTM), Prof Madya Dr Nur Hisham Ibrahim (Rektor UiTM Cawangan Perak), Prof Madya Dr Muhamad Abdul Aziz Ab Gani (Timbalan Rektor Penyelidikan, Jaringan Industri, Masyarakat, & Alumni, UiTM Perak), Prof Madya Dr Norhayati Baharun (Timbalan Rektor HEA, UiTM Perak), Dr Mohd Khairulnizam Ramli, Dr Ishak Ramli, Dr Daljet Singh, Dr Aznan Omar, dan Ashraf Abdul Rahaman.





Majlis menandatangani MOU dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Profesor Dr. Mohamad Hariri Hj Abdullah dan Prof Madya Dr Nur Hisham Ibrahim. Seterusnya ucapan oleh pihak UNS oleh Prof. Dr. Rahmuan Widayat (Dekan, Fakulti Seni Rupa Desain, Universitas Sebelas Maret, Indonesia). Dalam sesi perbincangan yang dijalankan, perancangan dan strategi aktiviti akan datang lebih menjurus kepada pengajuan program bersama antara UiTM dan UNS, dari aspek akademik dan membantu komuniti setempat.

Pada sesi petang, seminar kreatif telah dijalankan bersama pelajar-pelajar UNS. Di jemput sebagai penceramah utama adalah Profesor Dr. Mohamad Hariri Hj Abdullah dan Prof Madya Dr Nur Hisham Ibrahim. Banyak ilmu serta pengalaman khususnya dalam bidang kreatif dikongsi dalam program yang berlangsung selama 2 jam ini.



Dalam lawatan selama 3 hari di Solo ini, pihak delegasi UiTM juga telah berpeluang menghadiri acara pameran seni ArtJog di Yogyakarta dan Muzium Lokananta untuk melihat sendiri hasil seni yang dipamerkan dan kaedah pemeran secara interaktif dan berinovasi.

Dengan menandatangani MOU antara UiTM dan UNS ini, diharapkan pelbagai aktiviti dan program dapat dijalankan pada masa akan datang dan mengerakkan lagi hubungan antara Malaysia dan Indonesia secara umum. Selain itu, pelbagai aktiviti yang berimpak tinggi terutama kepada komuniti dapat dijalankan dengan lebih baik.

[Share](#) [Post](#) [Share](#)

Tags: Creative Event, Indonesia, International Event, MoU, Program Berimpak, Pusat Jaringan Industri, UiTM Perak Cawangan Seri Iskandar

◀ Pameran Seni Antarabangsa Memartabatkan Hubungan Pelbagai Negara

[CDYDIP2023: Training of Trainers \(ToT\) Workshop Kicks Off, Fostering Expertise and Educational Empowerment](#) ▶

QUICK LINKS

- [Ministry of Higher Education](#)
- [Academic Calendar](#)
- [Intake Calendar](#)
- [Graduate Quick Search](#)
- [Library](#)
- [UITM Holdings](#)
- [WiFi UITM](#)
- [E-Complaint](#)

HUBUNGI KAMI

Universiti Teknologi MARA (UiTM)
40450 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan
Malaysia

Tel: +603-5544 2051 / 2000



